



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

OLAHRAGA

1.0 Undang-Undang Permainan

Kejujanaan Olahraga ini akan dijalankan mengikut undang-undang Kesatuan Olahraga Antarabangsa (IAAF) dan Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia (KOAM).

2.0 Peraturan Pertandingan

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Kejujanaan Sukan Kolej UPM yang dikuatkuasakan sepanjang kejujanaan sukan ini.

3.0 Jenis Pertandingan

- 3.1. Kejujanaan berpasukan dan terbuka antara kolej-kolej UPM.
- 3.2. Jenis acara yang dipertandingkan seperti berikut:

Bil	Acara Lelaki	Acara Wanita
1	100 m	100 m
2	200 m	200 m
3	400 m	400 m
4	800 m	800 m
5	1500 m	1500 m
6	5000 m	3000 m
7	110 m Lari Berpagar	100 m Lari berpagar
8	400 m Lari Berpagar	400 m Lari Berpagar
9	Jalan kaki 10 km	Jalan kaki 5 km
10	4 x 100 m	4 x 100 m
11	4 x 400 m	4 x 400 m

12	Lompat Tinggi	Lompat Tinggi
13	Lompat Jauh	Lompat Jauh
14	Lompat Kijang	Lompat Kijang
15	Lompat Bergalah	-
16	Melontar Peluru	Melontar Peluru
17	Melempar Cakera	Melempar Cakera
18	Merejam Lembing	Merejam Lembing

4. Pendaftaran Peserta Dan Pembentukan Pasukan

4.1. Acara perseorangan

Setiap kolej dibenarkan menghantar tidak lebih dari dua (2) orang peserta bagi acara perseorangan kecuali bagi acara 3000m, 5000m dan 3000m Lari Berhalang yang mana dibenarkan menghantar tidak lebih 4 orang peserta.

4.2. Acara Berpasukan

Setiap kolej hanya dibenarkan menghantar satu (1) pasukan bagi acara berpasukan. Peserta acara berpasukan terdiri daripada peserta-peserta yang telah didaftarkan dalam Borang Pendaftaran Peserta.

4.3. Seorang peserta hanya dibenarkan mengambil tidak lebih dari tiga (3) acara perseorangan sahaja.

4.4. Penggantian / Pertukaran:

4.1.1. Penggantian / Pertukaran hanya dibenarkan selewat-lewatnya semasa mesyuarat pengurus pasukan.

4.1.2. Peserta baru yang menggantikan hendaklah mengambil kesemua acara yang didaftarkan oleh peserta lama.

4.1.3. Bagi acara balapan, pertukaran peserta baru dibenarkan sekiranya pertukaran berkenaan tidak mengubah dan melibatkan susunan aturcara kejujanaan yang telah ditetapkan.

4.1.4. Bagi acara padang, tambahan peserta baru adalah dibenarkan mengikut ususan giliran yang telah disusun.

4.1.5. Sebarang pertambahan atlit melibatkan balapan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

4.2. Pengesahan Penyertaan

4.2.1. Borang Pendaftaran Peserta hendaklah diisi dengan lengkap dan dikembalikan kepada Jawatankuasa Pengelola tidak lewat dua (2) minggu sebelum kejohanan.

4.2.2. Borang Pendaftaran Peserta hendaklah diisi dalam tiga (3) salinan, dua (2) salinan darinya hendaklah dikembalikan kepada Jawatankuasa Pengelola.

4.2.3. Borang Pendaftaran Peserta yang berasingan akan digunakan kategori Lelaki dan kategori Wanita.

4.3. Tiap-tiap peserta yang akan mengambil bahagian mestilah didaftarkan. Jika tidak didaftarkan dan peserta tersebut mengambil bahagian maka keputusan untuk peserta tersebut dibatalkan

4.4. Pengurus Pasukan hendaklah menyenaraikan nama enam (6) orang peserta Lari berganti-ganti pasukannya di dalam borang penyertaan.

4.5. Pengesahan peserta-peserta pasukan/kontinjen hendaklah dibuat di dalam mesyuarat Pengurus-pengurus Pasukan.

4.6. Borang Penyertaan perlu dibuat salinan sekiranya ruangan tidak mencukupi.

5. Sistem Pertandingan

5.1. Sila rujuk undang-undang IAAF dan KOAM

5.2. Sesuatu acara akan dijalankan walaupun hanya terdapat tiga (3) peserta perseorangan / pasukan sahaja yang mengambil bahagian.

5.3. Setiap peserta dikehendaki mengambil bahagian dalam acara pertama yang disertainya. Jika tidak, penyertaannya dalam acara berikutnya akan dibatalkan.

6. Cara Memutuskan Peserta Ke Peringkat Akhir.

Merujuk kepada undang undang KOAM

7. Masa Melaporkan Diri

8.1. Acara Balapan : Peserta-Peserta atau wakilnya dikehendaki melaporkan diri kepada penyelia peserta 30 minit sebelum acara bermula.

8.2. Acara Padang : Peserta-peserta atau wakilnya dikehendaki melaporkan diri kepada penyelia peserta 40 minit sebelum acara bermula.

8.3. Semua peserta yang melaporkan diri hendaklah memakai lengkap dengan nombor peserta masing-masing.

8.1. Semua acara akan dijalankan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam jadual acara.

8.2. Lewat melaporkan diri

Peserta tidak dibenarkan mengambil bahagian selepas 10 minit sebelum acara dimulakan dan mereka dikategorikan sebagai telah menarik diri.

8.3. Hebahan

Hebahan panggilan peserta untuk melaporkan diri bagi satu-satu acara akan dibuat oleh Penyelia Peserta sekali sahaja. Makluman mengenai masa melaporkan diri akan dipaparkan di papan kenayataan.

8.4. Penyertaan serentak

Jika didapati seseorang peserta menyertai acara balapan dan padang yang dijalankan serentak, peserta berkenaan hendaklah melaporkan diri kepada ketua hakim acara padang terlebih dahulu kemudian melaporkan diri kepada ketua hakim penamat.

9. Bantahan

- 9.1. Sila rujuk Peraturan Am (15.0) Sukan Kolej dan undang-undang (146) KOAM.
- 9.2. Bantahan lisan boleh dibuat oleh atlit sendiri atau pegawai yang mewakili beliau kepada Referi terlebih dahulu.
- 9.3. Jika bantahan tersebut ditolak, bantahan bertulis boleh dibuat oleh Pengurus Pasukan dan dihantar kepada Pengurus Kejujanaan dalam masa 30 minit selepas keputusan rasmi diumumkan.
- 9.4. Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

10. Pakaian

- 10.1. Bersesuaian untuk acara olahraga.
- 10.2. Setiap peserta hendaklah mempamerkan nombor di bahagian hadapan dan belakang baju supaya dapat dilihat dengan jelas.
- 10.3. Semasa upacara penyampaian hadiah, penerima hadiah hendaklah memakai pakaian yang kemas dan berkasut (pemakaian selipar tidak dibenarkan sama sekali).

11. Peralatan

- 11.1. Semua peralatan pertandingan akan dibekal dan disediakan oleh pihak penganjur.
- 11.2. Peralatan pertandingan persendirian boleh dibenarkan jika diluluskan oleh Pengerusi Teknik Kejujanaan. Pengesahan peralatan tersebut hendaklah dibuat semasa mesyuarat pengurus pasukan.

12. Nombor Peserta

- 12.1 Tiap-tiap peserta dikehendaki memakai nombor peserta yang telah ditetapkan di bahagian hadapan dan belakang badan peserta (di bahagian dada dan belakang sebelah atas). Nombor itu perlu dapat dilihat dengan jelas dan dipakai dalam semua acara yang disertainya termasuk acara saringan dan pada hari kejujanaan.

- 12.2 Bagi acara Lari Berganti-ganti, pengurus pasukan dikehendaki menyediakan huruf mengenai pasukan masing-masing dan semua peserta dikehendaki memakainya semasa acara itu dijalankan.
- 12.3 Tiap-tiap pasukan mesti menyediakan satu (1) set huruf pengenalan pasukan iaitu set berwarna hitam.

13. Panduan Nombor Peserta

NOMBOR PESERTA ACARA PERSEORANGAN

BIL	KOLEJ	NOMBOR
1	Kolej Mohd. Rashid	A001 hingga A050
2	Kolej Kedua	B001 hingga B050
3	Kolej Tun Dr. Ismail	C001 hingga C050
4	Kolej Canselor	D001 hingga D050
5	Kolej Kelima	E001 hingga E050
6	Kolej Keenam	F001 hingga F050
7	Kolej KOSASS	G001 hingga G050
8	Kolej Tun Perak	H001 hingga H050
9	Kolej Pendita Za'ba	J001 hingga J050
10	Kolej Kesepuluh	K001 hingga K050
11	Kolej Kesebelas	L001 hingga L050
12	Kolej Duabelas	M001 hingga M050
13	Kolej Tigabelas	N001 hingga N050
14	Kolej Empatbelas	P001 hingga P050
15	Kolej Limabelas	Q001 hingga Q050
16	Kolej Enambelas	R001 hingga R050
17	Kolej Tujuhbelas	S001 hingga S050

NOMBOR PESERTA ACARA BERKUMPULAN

BIL	KOLEJ	NOMBOR
1	Kolej Mohd. Rashid	KMR
2	Kolej Kedua	K2
3	Kolej Tun Dr. Ismail	KTDI
4	Kolej Canselor	KC
5	Kolej Kelima	K5
6	Kolej Keenam	K6
7	Kolej KOSASS	KOSSAS

8	Kolej Tun Perak	KTP
9	Kolej Pendita Za'ba	KPZ
10	Kolej Kesepuluh	K10
11	Kolej Kesebelas	K11
12	Kolej Duabelas	K12
13	Kolej Tigabelas	K13
14	Kolej Empatbelas	K14
15	Kolej Limabelas	K15
16	Kolej Enambelas	K16
17	Kolej Tujuhbelas	K17

14. Kawasan Arena

- a. Para peserta tidak dibenarkan memanaskan badan di dalam kawasan arena.
- b. Semua peserta dan pegawai kejujanaan dikehendaki berbaris semasa keluar dan masuk kawasan arena.
- c. Hanya pegawai kejujanaan dan para peserta yang terlibat dengan sesuatu acara yang akan dan sedang berlangsung sahaja dibenarkan berada dalam kawasan arena.

15. Penentuan Pusingan

Sila rujuk Peraturan 166 Buku Peraturan Olahraga, KOAM.

16. Pembahagian Lorong

Penentuan lorong dan giliran akan dibuat melalui cara berikut:

- 16.1 Tiap-tiap pasukan bertanding akan diberi abjad melalui undian, yang mana kemudiannya akan menentukan lorong-lorong untuk acara balapan giliran dan pertandingan.
- 16.2 Cara ini hanya sah digunakan untuk acara dalam pusingan awal dan acara peringkat akhir yang telah ditetapkan
- 16.3 Undian untuk lorong bagi pusingan berikutnya akan dilakukan semasa kejujanaan oleh pengurus kejujanaan dan jemaah juri yang dilantik Jadual undian lorong/giliran

UNDIAN BAGI ACARA PERSEORANGAN DAN BERPASUKAN

LELAKI	KOLEJ																WANITA
KOLEJ	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	KOLEJ
100 M	1	2	3	4	5	6	7	8									100 M
400 M L/BERPAGAR									1	2	3	4	5	6	7	8	400 M L/BERPAGAR
200 M	2	3	4	5	6	7	8	1									200 M
1500 M									2	3	4	5	6	7	8	1	1500 M
400 M	3	4	5	6	7	8	1	2									400 M
5000 M									3	4	5	6	7	8	1	2	3000 M
800 M	4	5	6	7	8	1	2	3									800 M
4 X 100 M									4	5	6	7	8	1	2	3	4 X 100 M
10 KM	5	6	7	8	1	2	3	4									5 KM
4 X 400 M									5	6	7	8	1	2	3	4	4 X 400 M
10000 M	6	7	8	1	2	3	4	5									
110 M L/BERPAGAR									6	7	8	1	2	3	4	5	100 M L/BERPAGAR

UNDIAN BAGI ACARA PADANG

LELAKI	KOLEJ																	WANITA
KOLEJ	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	KOLEJ
LOMPAT TINGGI	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	LOMPAT TINGGI
LEMPARCAKRA	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	1	LEMPARCAKRA
LOMPAT BERGALAH	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	1	2	
LOMPAT KIJANG	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	1	2	3	LOMPAT KIJANG
LOMPAT JAUH	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	1	2	3	4	LOMPAT JAUH
REJAM LEMBING	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	1	2	3	4	5	REJAM LEMBING
LONTAR PELURU	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	1	2	3	4	5	6	LONTAR PELURU

15. Juri Rayuan

15.1 Juri Rayuan terdiri daripada :

- a) Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau Wakilnya
- b) Setiausaha Jawatankuasa Pengelola (pencatat)
- c) Pengerusi Jawatankuasa Teknikal
- d) Ketua Hakim Berkenaan
- e) Dua Kolej yang berkecuali

16. Upacara Penyampaian Hadiah

- 15.1. Upacara penyampaian hadiah akan dijalankan pada masa yang sesuai semasa kejohanan dijalankan.
- 15.2. Semua peserta yang terlibat dalam upacara ini kehendaki memakai pakaian sukan dan berkasut sukan.

17. Hadiah

- 16.1. Hadiah tempat pertama hingga ketiga akan diberikan bagi acara perseorangan dan berpasukan.
- 16.2. Hadiah tempat pertama hingga kelima akan diberikan bagi acara 3000m, 5000m, 5km/10km Jalan Kaki dan 3000m Lari Berhalang.

18. Sistem Pembahagian Mata

BIL	ACARA	PERTAMA	KEDUA	KETIGA	KEEMPAT
1	ACARA PERSEORANGAN	5	3	2	1
2	ACARA BERPASUKAN	7	5	3	1

19. Syarat Menentukan Olahragawan dan Olahragawati

- a) Memperbaiki rekod kejohanan
 - b) Memperbaiki masa/jarak/tinggi yang terhampir dengan rekod kejohanan
 - c) Memperolehi mata terbanyak dalam acara perseorangan
 - d) Segala keputusan penentuan Olahragawan/Olahragawati adalah muktamad dan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan.
20. Pihak Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab keatas sebarang kemalangan atau kecederaan atau sebarang gantirugi yang dikemukakan sepanjang masa peserta mengambil bahagian di dalam kejohanan Trek dan Padang ini.

21. Acara Tarik Tali

- 21.1 Seramai sepuluh (10) orang peserta termasuk Juruejut dibenarkan mendaftar.
- 21.2 Hanya lapan (8) orang peserta sahaja yang mengambil bahagian dalam acara ini.
- 21.3 Dalam tiap-tiap pusingan lapan orang yang menarik, mesti menghabiskan pusingan tersebut dan tidak dibenarkan sebarang gantian dalam pusingan.
- 21.4 Dalam pertandingan lain setiap pasukan dibenarkan menggantikan peserta-pesertanya dengan syarat peserta-peserta tersebut telah didaftarkan.
- 21.5 Pertandingan ini dijalankan secara kalah mati.

22. Acara Perbarisan

- 22.1 Acara Perbarisan juga turut diwujudkan dengan mempertandingkan perbarisan antara kontigen-kontigen kolej.

23. Hal-hal lain

- 23.1 Sebarang keputusan dengan pertandingan ini yang dibuat oleh para hakim dan juri rayuan adalah muktamad
- 23.2 Jawatan Pengelola berhak mengubah mana-mana ketetapan dalam peraturan ini boleh diubah pada bila-bila masa mengikut keperluan, keutamaan dan kepentingan sesame dengan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Sukan Universiti

24. Perkara Yang Tidak Dinyatakan

Sila rujuk Peraturan Am Kejujanaan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia (21.0)